

BAB 2 : PENDIDIKAN DAN PERADABAN

2.1. Pengenalan

Pendidikan adalah asas kepada pembangunan insan. Hanya insan yang terdidik dan terbangun jiwanya dapat memberikan sumbangan kepada pembangunan masyarakat ke arah sesebuah peradaban yang tinggi. Dengan demikian pembangunan tersebut tidak mungkin dapat dicapai sekiranya proses pendidikan tidak dilaksanakan dengan sebaik mungkin.

Pendidikan bukanlah semata-mata proses untuk meningkatkan kemahiran hidup atau peningkatan kemampuan akal. Walaupun kemahiran hidup dan peningkatan kemampuan akal merupakan unsur yang amat penting dalam mengurus dan mentadbir alam ini. Pendidikan juga bukanlah semata-mata proses indoktrinasi untuk menjadikan seseorang insan itu bersifat '*nationalis*'. Sebaliknya pendidikan bertujuan untuk menghasilkan insan yang sempurna dan seimbang dari segi jasmani, rohani, emosi dan intelek, yang dapat berperanan dalam pembangunan diri, keluarga, masyarakat dan negara dengan mengembangkan seluruh potensi yang terdapat dalam diri insan tersebut.

Negara yang mempunyai peradaban yang tinggi memerlukan kepada sumber manusia yang terdidik dan terbangun jiwanya. Pembangunan negara akan terjejas sekiranya program untuk membangunkan sumber manusia melalui pendidikan tidak diuruskan dengan baik dan berkesan.

2.2. Ilmu dan Pendidikan

Ilmu dan pendidikan tidak boleh dipisahkan, seperti seorang bayi dengan ibunya, jika terpisah maka akan terganggu lah sistem kehidupan masing-masing. Pendidikan tanpa ilmu adalah sesuatu yang sukar digambarkan dan ilmu tanpa pendidikan yang betul akan menyebabkan penyelewengan dan kesesatan.

2.2.1 Ilmu Dalam Islam

Umat Islam berpegang kepada Al-Quran dan Sunnah Nabi sebagai sumber rujukan utama bagi ilmu dan petunjuk. Di dalam Al-Quran terdapat pelbagai ilmu yang telah digariskan oleh Allah untuk dimanfaatkan oleh manusia. Manusia cuma berusaha untuk mengkaji dan menyelidik untuk mendapatkan ilmu tersebut, begitu juga dengan Sunnah Nabi. Terdapat banyak ayat Al-Quran dan Sunnah Nabi yang menjelaskan kepada kita tentang kepentingan ilmu dan menyarankan agar manusia menuntut ilmu seperti firman Allah, iaitu :

“ Tidak sepatutnya orang mukmin itu pergi semuanya (medan perang). Mengapa tidak pergi dari tiap-tiap golongan antara mereka beberapa orang untuk memperdalamkan ilmu pengetahuan tentang agama dan untuk memberi peringatan kepada kaumnya apabila mereka telah kembali kepadanya, supaya mereka itu dapat menjaga dirinya” (Al-Taubah :122)

Tuntutan menuntut ilmu telah dianjurkan sejak permulaan Islam lagi. Islam tidak pernah menyekat seseorang itu untuk mencari ilmu, baik dari segi penjenisan ilmu mahupun tempat di mana ia digali dan dicari. Bukan sahaja ilmu agama bahkan ilmu-ilmu asing yang datang dari luar kerangka Islam pun dikehendaki kepada umatnya mempelajari, asalkan ia membawa manfaat dan kebaikan untuk diri dan ummah sejagat. (Ghazali Darusalam, 2001 : 16)

Ilmu adalah wajib dituntut oleh setiap umat Islam seperti sabda Rasulullah (Dari Ibn Majah dan Anas) yang bermaksud :

“Menuntut Ilmu itu wajib atas tiap-tiap muslim” (Imam Al-Ghazali , 1988 : 59)

Ibn Khaldun berpendapat bahawa setiap orang dituntut supaya mengetahui hukum-hukum dan kaedah ilmu sehingga dia berupaya mengenali apa yang diterangkan dalam hukum-hukum syariah dan dituntut juga beramal dengannya. (Abdullah Al-Amin al-Na’miy, 1994 : 135)

Di dalam Islam di anjurkan menuntut ilmu walau dimana jua asalkan ilmu tersebut membawa manfaat. Rasulullah juga telah menganjurkan supaya menuntut ilmu walau dimana juga seperti sabdanya (Riwayat oleh Ibnu Uda dari al-Baihaqi dan Anas) yang bermaksud :

“Carilah ilmu pengetahuan walaupun hingga ke negeri China”.
(Imam Al-Ghazali , 1988 : 58)

Anjuran ini membuktikan betapa pentingnya ilmu dalam kehidupan bermasyarakat dan berusahahalah untuk menuntut ilmu walaupun jauh sehingga Rasulullah sendiri telah mengandaikan negeri China yang berada jauh dari Tanah Arab perlu diziarahi untuk menuntut ilmu yang manfaat.

Sejarah telah membuktikan bahawa pemilikan ilmu ialah sebagai alat dan syarat utama kepada manusia untuk menjadi khalifah Allah di bumi ini. (Abdullah Ishak, 1995 : 39)

Ilmu merupakan pelengkap kepada kebijaksanaan manusia dalam melakukan tindakan. Ilmu akan mengangkat darjah kebijaksanaan seseorang di peringkat individu, masyarakat, negara dan seterusnya memberikan dampak kepada proses pembentukan sesuatu tamadun manusia. Oleh yang demikian, konsep ilmu Islam amat ketara perbezaannya dengan konsep ilmu-ilmu lain. Ilmu Islam mempunyai ciri-ciri tersendiri iaitu ketuhanan, terbuka dan global. (Aizan Ali @ Mat Zin, 2001: 85)

2.2.2 Pengertian Ilmu

Istilah ilmu sebenarnya berasal dari perkataan Arab ‘ilm’ yang bermakna pengetahuan. Kamus Dewan pula menghuraikan ilmu itu adalah pengetahuan, kepandaian (dalam perkara dunia, akhirat, zahir, batin dan lain-lain) (Teuku Iskandar, 2002 : 483)

Pengertian ilmu menurut istilah ialah mendapat sesuatu atau pengetahuan tentang sesuatu yang belum diketahui melalui cara pembelajaran. (Abd. Latif Muda dan Rosmawati Ali @ Mat Zin, 1997: 37-38)

Menurut pendapat Franz Rosenthal ilmu ialah pengetahuan dan pengetahuan ialah proses mengetahui dan bersamaan dengan orang yang mengetahui dan apa yang diketahui, atau ia adalah satu sifat yang membolehkan orang yang mengetahui untuk mengetahui. (Franz Rosenthal, 1997: 56)

Seyyed Hossein Nasr dalam membicarakan aspek dan peranan metafizik dan ilmu mengatakan bahawa :

"Metaphysics, which in facts is one and be named metaphysics in the singular, is the science of the real, of the origin and end of things, of the absolute and, in its light, the relative. It is a science as strict and exact as mathematics and with the same clarity and certitude, but one which can only be attained through intellectual intuition and not only simply through ratiocination" (Seyyed Hossein Nasr, 1968 : 81)

Hakikatnya ilmu metafizikal yang berperanan membawa kelanjutan sifat kesepaduan ilmu dalam Islam.

Menurut Profesor Syed Naquib al-Attas pula, ilmu mempunyai pengertian yang luas yang sukar diberikan takrifan yang tepat dan muktamad kerana ia mencakupi tentang ketuhanan, agama, dunia, alam ghaib serta

hikmah. Bagi beliau ilmu ditakrifkan sebagai ketibaan sesuatu makna ke dalam jiwa seseorang hasil dari maklumat yang benar. (Syed Muhammad Naquib al-Attas, 1978 : 154)

Dalam pengertian barat moden khususnya aliran yang berpegang kepada kaedah sains, ilmu adalah merujuk kepada perkara yang boleh ditanggapi oleh pancaindera zahir, yakni yang bersifat empirikal semata-mata. Perkara yang di luar pencapaian pancaindera zahir tidak termasuk di dalam ruang lingkup ilmu. (Siddiq Fadil. 1990 : 82)

Bagi golongan empirisis, ilmu merujuk kepada pengenalan mengenai fakta atau perkara-perkara konkret yang dapat ditanggapi oleh pancaindera kita. Manakala golongan rasionalis pula mengatakan ilmu itu bertolak daripada usaha-usaha akal yang diakhiri dengan hasil rumusan. (Abdul Rahman Haji Abdullah, 1994 : 19)

2.2.3 Pengertian Pendidikan

Menurut Kamus Dewan, pendidikan bermaksud perihal mendidik iaitu ilmu mendidik, didikan, latihan dan ajaran. (Teuku Iskandar, 2002 : 303).

Namun menurut tatabahasa Melayu “pendidikan” ialah kata nama terbitan yang berakar kata daripada kata dasar “didik” yang membawa erti jaga atau pelihara atau ajar dengan hati-hati sejak kecil. Dalam bahasa Inggeris, pendidikan disebut “*education*” yang dikatakan berasal daripada

cantuman dua kalimah dalam bahasa latin iaitu “e’ex” dan “ducereduc”. “E’ex” bererti keluar dan “ducereduc” bererti memimpin yang dapat diinterpretasikan sebagai mengumpul maklumat ke dalam diri bagi membentuk bakat. Dengan kata lain pendidikan ialah menyerapkan ilmu pengetahuan ke dalam bentuk teori serta melakukan latihan dalam bentuk praktis bagi membentuk peribadi dan watak serta mengungkil bakat yang terpendam (Abdullah Ishak, 1995 : 4)

Menurut pandangan Sidi Gazalba, pendidikan menanamkan kebiasaan yang akhirnya membentuk tabiat. Tabiat pula melahirkan perbuatan yang diajar atau dilatih dalam kehidupan seharian. Pendidikan menanamkan amal dan sasaran pendidikan adalah hati. Oleh itu orang yang terdidik, boleh dilihat pada sikap dan perbuatan yang dilakukan (Sidi Gazalba, 1986 : 193)

Di dalam bahasa Arab, pendidikan disebut *al-tarbiah* yang berasal dari kata kerja *rabba* yang bermaksud tumbuh, bertambah, membiak, mengasuh, mendidik dan memelihara.(Muhammad Idris al-Marbawi, 1354H : 225) Apabila digunakan sebagai satu analogi, istilah *tarbiah* bermaksud menjaga dan memelihara sifat-sifat semulajadi kanak-kanak serta memupuk bakat-bakat dan kebolehan yang wujud pada mereka dengan dorongan secara beransur-ansur agar semua bakat dan kebolehan tersebut dapat berkembang dengan baik sesuai dengan peringkat kematangan yang dilaluinya. (Zawawi Hj Ahmad, 1984 : 1-2)

Al-Jamali memberikan takrif pendidikan sebagai proses membentuk tabiat dan sikap seseorang dalam pelbagai aspek kehidupan sama ada rohani, jasmani, akal, akhlak maupun sosial supaya dapat mengabdikan diri kepada Allah Manakala al-Shaybani pula menakrifkannya sebagai membina atau membentuk keperibadian yang sempurna dalam pelbagai aspek yang berhubung dengan jasmani, rohani, akal, amalan dan sosial bagi mendapat kebahagiaan dunia dan akhirat Khursid Ahmad menakrifkan pendidikan sebagai satu latihan aqliah, jasmaniah dan rohaniah bagi melahirkan manusia yang berkebudayaan tinggi yang sanggup melaksanakan tanggungjawab sebagai insan yang baik dan warganegara yang berguna. (Ahmad Fauzi Hj. Morad, et. al., 1997 : 55)

Menurut Drs Ahmad D. Marimba bahawa pendidikan Islam itu adalah bererti bimbangan jasmani rohani berdasarkan hukum-hukum agama Islam menuju kepada terbentuknya keperibadian utama menurut ukuran-ukuran Islam (Ahmad D. Marimba, 1964 : 19)

Burlian Somad cuba menjelaskan lagi konsep pendidikan Islam itu dengan membuat huraian yang lebih jauh, katanya: "Pendidikan Islam ialah aktiviti atau kegiatan yang bertujuan untuk membentuk individu menjadi seorang yang mempunyai personaliti yang baik dan bernilai tinggi menurut kacamata Islam. Pendidikan Islam juga membentuk rasa anak didik menjadi halus dan tajam sehingga mampu mencintai Allah serta merasa sangat takut mendapat azab Allah, merasa bertanggungjawab untuk mengangkat darjah hidup kaum mlarat dan anak-anak yatim, serta perasaan bertanggungjawab

untuk membela agama Allah dengan rela mengorbankan apa saja yang dimiliki untuk keperluan perjuangan kerana Allah". (Burlian Somad, 1981 : 21)

Pada umumnya ahli-ahli pendidikan Islam menyatakan bahawa pendidikan yang sebenar ialah bersifat ideal iaitu 'rabbani' yang berpunca dari Allah s.w.t. Ini bermakna pendidikan ialah mendidik manusia dalam semua aspek pembentukan samada dari segi jasmani, rohani, akal mahupun dari segi sosial hendaklah bersumberkan Al-Quran dan Sunnah Rasulullah s.a.w.

Pendidikan menurut Islam bermula sejak kejadian Nabi Adam a.s. iaitu manusia pertama dan bapa kepada semua manusia. Allah bukan sahaja membentuk dan menyempurnakan fizikalnya supaya sesuai bagi menghadapi struktur penghidupan dan permasalahan di dunia bahkan membentuk dan membimbing aspek-aspek spiritual supaya bersesuaian dengan kehidupan sosial yang merangkumi kedua-dua aspek tersebut bagi melayakkan diri sebagai khalifah Allah di muka bumi ini.

John Dewey, mengatakan bahawa pendidikan adalah suatu proses pengalaman kerana kehidupan adalah pertumbuhan. Pendidikan adalah bererti membantu pertumbuhan batin tanpa dibatasi usia. Proses pertumbuhan ini adalah proses penyesuaian pada tiap-tiap proses serta menambahkan kecekapan di dalam perkembangan seseorang. (Siti Malkhati M.A., 1973 : 8)

Filosuf Yunani yang terkenal Plato mengatakan bahawa pendidikan adalah bererti memberikan keindahan dan kesempurnaan yang mungkin diberikan kepada jasmani dan rohani. (Mohd Athiah Al-Abrasyi, tiada tarikh : 5)

Pendapat dalam Webster's Dictionary yang mengatakan pendidikan itu satu proses mendidik, mengajar dan melatih :

"Education is the process of educating, teaching or training; a part or a stage in this training : Learning or development which results from this process of training. It is an academic discipline dealing with teaching and learning method In the school" (Webster's Dictionary, Delair, 1981 : 156)

Pada amnya ahli sarjana barat berpendapat bahawa takrif pendidikan dapat diklasifikasikan menurut aliran-aliran tertentu seperti aliran idealisme, realisme dan pragmatisme. Aliran idealisme menyatakan bahawa seluruh alam sangat bersifat mental dan terpantul pada akal manusia. Maka pendidikan adalah suatu proses bagi membentuk dan melatih akal manusia supaya sejajar dengan susunan alam sangat tersebut. Aliran realisme pula menyatakan bahawa yang membezakan di antara manusia dengan makhluk lain ialah otak yang berasal daripada benda bukan akal, kerana akal itu bukan dianggap benda. Oleh itu bagi aliran ini yang dapat dilatih ialah otak, bukan akal. Manakala aliran pragmatisme pula menyatakan, pendidikan berperanan bagi melatih otot-otot akal atau menyusun sel-sel otak bagi menyesuaikan individu dengan masyarakat, kerana manusia ialah makhluk sosial yang tidak dapat dipisahkan daripada alam sekitar.

Kesimpulannya pendidikan memberi maksud mendidik, melatih, membimbing dan mengajar manusia kepada jasmani, rohani, akal akhlak, perasaan dan sosial yang berpandukan ilmu dengan matlamat ke arah kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat supaya melahirkan masyarakat yang mempunyai peradaban tinggi.

2.2.4 Matlamat Pendidikan

Pendidikan mempunyai matlamat yang menyeluruh dan sejajar dengan situasi universal. Matlamat utama pendidikan secara umum ialah menyediakan seseorang individu bagi memainkan peranan yang positif dalam semua aspek yang matlamat akhirnya ialah untuk membina masyarakat. Pendidikan juga akan dapat menyediakan ahli masyarakatnya untuk menghadapi cabaran kehidupan di samping membuat pembaharuan pembangunan serta menyelesaikan permasalahan yang berkaitan dengan kehidupan masyarakat harian.

Matlamat pendidikan menurut Islam yang bersumberkan Al-Quran dan al-Sunnah lebih mementingkan pengimbangan antara kemajuan, pembangunan rohani dan jasmani samada bagi individu maupun masyarakat untuk mencapai kebahagiaan hakiki di dunia dan akhirat.

Imam Al-Ghazali berpendapat bahawa pendidikan bukan sahaja bertujuan untuk mengisi fikiran kanak-kanak dengan ilmu pengetahuan, tetapi

juga untuk memupuk watak akhlak yang murni. Ibnu Khaldun pula menyatakan bahawa pendidikan bertujuan menyedia dan membangunkan manusia ke arah kehidupan yang baik dan bahagia. (Ahmad Fauzi Hj. Morad, et al., 1997 : 56)

Menurut Ibn Khaldun pendidikan Islam mengarah kepada dua iaitu tujuan keagamaan yang bermaksud beramal untuk akhirat. sehingga ia menemui tuhan dalam keadaan ia telah menunaikan hak Allah yang diwajibkan ke atasnya dan tujuan ilmiah atau keduniaan iaitu apa yang diungkapkan dalam pendidikan moden dengan tujuan kemanfaatan atau persiapan untuk hidup. (Al-Abrasyi, 1969 : 244)

Sebagai kesimpulan matlamat pendidikan Islam merangkumi keseluruhan kepentingan iaitu untuk melahirkan individu dan masyarakat yang sihat, kuat, mahir dan boleh berhubung dan bekerjasama bukan sekadar lahiriah sahaja bahkan melahirkan insan yang kamil, soleh, mukmin dan muttaqin. Apabila lahirnya insan yang berpendidikan maka wujudlah masyarakat yang yang mempunyai peradaban yang tinggi dan negara yang bertamadun.

2.3. Peranan Pendidikan Dalam Pembangunan Masyarakat

Islam meletakkan para cendekiawan dan sarjana di tahap yang tinggi dan termaktub di dalam al-Quran. Antaranya firman Allah s.w.t. yang bermaksud :

"Allah meninggikan kedudukan orang-orang yang beriman di kalangan kamu dan orang-orang yang berilmu beberapa darjat"
(Al-Mujaadilah :11)

Disamping itu Allah turut mengakui bahawa orang yang berilmu tidak sama dengan orang yang tidak berilmu :

"Adakah sama orang berilmu dengan orang yang tidak berilmu. sesungguhnya orang-orang yang dapat mengambil pelajaran hanyalah orang yang berakal." (Az-Zumar : 9)

Rasulullah s.a.w. juga pernah mengatakan bahawa manusia yang terbaik ialah manusia yang beriman dan mempunyai ilmu dalam tanggungjawabnya sebagai khalifah yang memakmurkan bumi ini. Rasulullah s.a.w. bersabda (Riwayat al-Baihaqi dari Abid Darda) yang bermaksud :

"Manusia yang terbaik ialah mukmin yang berilmu, jika diperlukan dia berguna, dan jika tidak diperlukan, maka ia dapat mengurus dirinya sendiri." (Imam Al-Ghazali , 1988 : 45)

Ilmu dan pendidikan memainkan peranan yang penting dalam membangunkan sesebuah masyarakat yang maju dan makmur. Masyarakat yang maju, wujud dari masyarakat yang cintakan ilmu pengetahuan dan membuka kesedaran kepada sesuatu yang baru dan berkeinginan untuk

menguasai sumber alam dan seterusnya mencapai tahap peradaban yang tinggi.

Ilmu melalui pendidikan telah menghasilkan peradaban Islam yang tinggi dan berjaya mencapai kemajuan dalam pelbagai bidang serta telah menerajui kepimpinan peradaban dunia. Ilmu juga merupakan elemen terpenting yang memangkinkan pergerakan manusia untuk melakukan penelitian, pengkajian dan menghasilkan penemuan baru teknologi tinggi. Pencapaian-pencapaian ini merupakan puncak keupayaan akal dan kejayaan manusia untuk membentuk sesuatu peradaban bagi memenuhi keperluan kehidupan manusia dan makhluknya.

Mengikut teori *cyclical* Ibn Khaldun, peradaban mengalami tiga peringkat pertumbuhan, kemuncak dan kejatuhan. Beliau juga mengatakan bahawa semasa peringkat kemuncak sesuatu peradaban, kemajuan dalam pelbagai bidang dicapai dan termasuklah kemajuan dalam ilmu pengetahuan atau pendidikan. Pada peringkat ini, manusia mula memenuhi kemahuan yang bukan lagi keperluan asas, tetapi kemewahan hidup. (Abdul Rahman Bin Muhammad, 712H : 257, 429-430, 417-418)

Pendidikan juga bukan sekadar mempunyai peranan akademik untuk memperkembangkan keupayaan kognitif seseorang, tetapi juga mempunyai peranan sosial dan peribadi. Pendidikan juga dapat membentuk asas-asas keperibadian seseorang individu, sama ada baik atau sebaliknya. Pengajaran dan disiplin pula dapat membentuk kematangan dalam fikiran dan tingkah

laku. Ini menjadikan seseorang itu berupaya mengawal diri, bertanggungjawab, berdisiplin, beremosi sihat selari dengan norma-norma masyarakat, agama dan bangsa. (Robiah Sidin, 1994 : 32)

Di dalam kebudayaan kebendaan manusia telah menerokai alam dengan menggunakan ilmu dan kepakarannya. Mereka memajukan sektor pertanian, penternakan, mempelajari segala teknik kepakaran dalam bidang pertukangan, membina empangan dan terusan, meningkatkan kegiatan perdagangan dan mendirikan bangunan, pertukangan besi dan industri pembinaan kapal. Daripadanya juga beberapa kaum telah muncul di dunia terdiri daripada kaum 'Ad dan Thamud. Beribu-ribu tahun sebelum zaman Nabi Ibrahim hinggalah muncul pula kaum Nabat, Saba', Khaldaeh, Funik, Israel, Yunani dan Romawi juga bersama dengan perkembangan bidang ilmu dan penguasaan terhadap sumber alam. Mereka menjadi kaya dan gagah sehingga mencapai taraf peradaban yang maju. (Ghazali Darusalam, 2001 : 9)

Dalam Zaman Pertengahan Eropah (*Middle Ages*) yang dinamakan sebagai Zaman Kegelapan (*Dark Ages*) di Eropah, orang Islam merupakan pemuka dalam dunia ilmu pengetahuan, mereka telah menjadi peneroka dalam pelbagai bidang ilmu. Tradisi keilmuan dalam Islam telah memberi warna dan menjadi pemangkin kepada pencetus tradisi keilmuan tamadun moden barat dan tamadun moden dunia seterusnya. Islam telah melahirkan ahli sains, ahli perubatan, ahli falsafah, ahli geografi, ahli sejarah, ahli bahasa,


ahli matematik dan ahli astronomi yang terkemuka di dunia ketika Eropah bergelumang dengan zaman kegelapannya. (Hashim Musa, 2001 : 18)

Sejarah juga telah membuktikan masyarakat barat telah berjaya merubah nasib bangsa mereka dengan memajukan ilmu pengetahuan melalui pendidikan dari dunia Islam

Duke (1985), Coombs dan Manzoor (1974) mengatakan bahawa cara yang terbaik bagi menyerang dan membasmi kemiskinan ialah melalui pendidikan dan latihan. Ini membayangkan kepada kita bahawa pendidikan dan latihan merupakan cara yang berkesan untuk membina kemahiran dan memberi pengetahuan kepada rakyat jelata dalam berbagai-bagai kegiatan ekonomi. Oleh itu pembasmian buta huruf merupakan prasyarat atau '*prerequisite*' bagi pembasmian kemiskinan. Maka dalam konteks ini amatlah jelas bahawa pendidikan dan latihan adalah satu bentuk penggunaan. Dalam konteks ini juga pendidikan boleh dilihat sebagai media untuk meningkatkan taraf hidup rakyat dan media untuk menyusun semula struktur masyarakat. (Sufean Hussin, 1993 : 488)

Kesimpulannya, ilmu melalui pendidikan adalah amat penting dalam membangunkan masyarakat. Masyarakat yang berilmu adalah teras kepada masyarakat yang gemilang dan seterusnya dapat membina peradaban yang tinggi melalui pelbagai bidang ilmu terutama ilmu mengenai dunia dan akhirat.

PETA 1

**PUSAT-PUSAT PERADABAN AWAL DUNIA**

(Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996 : 48)

2.4. Peradaban

Untuk mengetahui dengan lebih lanjut tentang peradaban, perlulah terlebih dahulu kita mengetahui pengertian sebenar peradaban dari pelbagai pihak. Pelbagai pengertian telah diberikan kepada peradaban oleh sarjana Islam dan barat yang menggambarkan perspektif yang berbeza mengenai pengertian sebenar peradaban.

2.4.1 Pengertian Peradaban.

Dalam tradisi Melayu, istilah-istilah yang digunakan untuk menggambarkan peradaban ialah ‘peradaban’ dan ‘tamadun’. Secara umumnya tiada perbezaan antara kedua-dua istilah tersebut. (Abdullah Alwi, 2001 : 1)

Terdapat pelbagai istilah yang digunakan oleh sarjana terutama sarjana sejarah dan peradaban dalam memperihalkan perkara yang dikatakan sebagai “peradaban”. Kamus Dewan telah menggunakan dua istilah dalam menghuraikan sesuatu yang berkaitan dengan peradaban, iaitu istilah “tamadun” dan “peradaban”.

“Tamadun” ditakrifkan oleh Kamus Dewan sebagai “keadaan masyarakat manusia yang dicirikan oleh atau didasarkan pada taraf kemajuan kebendaan serta perkembangan pemikiran (sosial, budaya, politik dan lain-

lain) yang tinggi. Negara dan penduduknya yang telah mencapai taraf kemajuan kebendaan serta pemikiran (sosial, budaya, politik dan lain-lain) yang tinggi. Budaya atau cara hidup orang-orang tertentu dengan keadaan pemikiran (budaya dan moral) yang halus. (Teuku Iskandar, 1986 : 1355)

Manakala istilah 'peradaban' pula ditakrifkan oleh Kamus Dewan, sebagai keadaan serta tingkat kemajuan pada kehidupan jasmani dan rohani sesuatau bangsa atau masyarakat. (Teuku Iskandar, 1986 : 6)

Peradaban boleh disamakan dengan perkataan Inggeris '*civilization*'. Perkataan ini lahir daripada perkataan Latin iaitu *civitas*, *civilis*, *civis* dan *civilitas*. Secara umumnya istilah-istilah Latin tadi membawa makna yang berkisar kepada warganegara, undang-undang dan sistem pemerintahan Rom. Istilah-istilah tadi merujuk kepada undang- undang untuk warganegara Rom, undang-undang persendirian (*private*) dan undang-undang awam (*civil law*) ditentukan oleh undang-undang. Warganegara (*fellow citizen*) dan rakan sekampung (*countryman*) yang mempunyai ikatan kerana dikaitkan dengan negara bangsa (*state*). Warganegara universal (*whole world*) atau kosmopolitan; dan sesebuah komuniti yang mempunyai organisasi tersusun. (*Oxford Latin Dictionary*, Oxford University Press, 1983)

Dalam bahasa Greek, peradaban merujuk kepada perkataan *kei* yang membawa kepada pelbagai maksud. *Kei* bererti terbentang atau terhampar atau sesuatu yang datang kepada kita. *Kei* juga mempunyai makna yang bermaksud kediaman atau rumah. *Nomos* bermaksud jalan, metod, unsur

peraturan dan laluan. *Nomos* juga membawa maksud undang-undang yang ditetapkan. *Keimelion* pula membawa erti khazanah atau harta yang disimpan. Pendek kata, peradaban dalam bahasa Greek merupakan sesuatu fenomena yang datang kepada kita. (Liddle & Scott, 199)

Tidaklah sukar untuk memahami makna peradaban dalam bahasa Inggeris, jika dibandingkan dengan makna dalam bahasa Latin dan Greek seperti di atas. Perkataan '*civilize*' merujuk kepada memperbaiki tingkah laku yang kasar atau kurang sopan, menjinakkan (*to tame*); menyelaraskan mengikut keperluan masyarakat. Secara mudah '*civilized*' bolehlah dikatakan sebagai keluar daripada kehidupan primitif kepada kehidupan yang lebih baik yakni yang mempunyai kehalusan akal budi dan kesopanan. (*Oxford English Dictionary*, 1933) Seperti juga dalam bahasa Latin dan Greek, makna peradaban dalam bahasa Inggeris juga merujuk kepada undang-undang iaitu tindakan yang diambil untuk mendapat keadilan khususnya berkaitan dengan kes-kes sivil dan jenayah.

Dari sudut bahasa Arab, beberapa istilah lain turut dikaitkan apabila membicarakan tentang peradaban. Antaranya ialah *tamadun*, *madaniah*, dan *hadarah*. Perkataan *tamadun* lahir daripada perkataan akarnya *mudun* dan *mada'in* yang kemudiannya membawa kepada *madinah*, yang bermakna bandar. Perkataan *tamadun* merupakan pemakaian bahasa Arab moden yang membawa erti memiliki ciri-ciri kehidupan bandar. *Hadalah* pula dimaksudkan sebagai sebuah bandar, kota, daerah, kampung atau tanah yang diusahaikan. (Wacana Dialog Peradaban, 2000 : 3)

Menurut Hashim Musa istilah ‘tamadun’ boleh didefinisikan sebagai sejumlah pencapaian dan pemerolehan dalam segala pelakuan, pemikiran dan penciptaan yang baik, halus, sopan dan santun bagi pembentukan peribadi, akhlak, tatasusila, adab, tingkah laku dan budi bahasa yang tinggi bagi individu serta masyarakat yang membentuk sesbuah negara. (Hashim Musa, 1997 : 2)

Ibn Khaldun, seorang sarjana Islam yang unggul dalam bidang ilmu kemasyarakatan Islam telah menggunakan istilah ‘umran’ dalam kajiannya tentang bandar-bandar atau ibu kota yang memiliki kawasan tanah yang didiami dan penempatan, keadaan tinggal menetap, berkembang subur dan maju. Selain itu beliau juga menggunakan istilah ‘hadarah’ yang bererti suatu daerah, kota, bandar, kampung atau tanah yang diusahakan. (Ibn Khaldun, 1990 : 132)

Abu Nasir al-Farabi dan Jurji Zaidan turut menggunakan perkataan kota dalam mendefinisikan peradaban. Mengikut Abu Nasir al-Farabi dalam kitabnya *as-Siyasah al-Madaniyah*, menganggap peradaban merupakan pencapaian umat Islam di kota yang berasaskan wahyu iaitu akidah, syarak dan akhlak. Jurji Zaidan dalam kitabnya *Tarikh at- Tamaddun al-Islami*, mendefinisikan peradaban sebagai pencapaian umat Islam yang berpusat di kota dalam bidang kerohanian dan kebendaan berasaskan agama. (Mustafa Hj. Daud, 1999 : 5)

Syed Muhammad Naguib Al-Attas memilih tema tingkah laku dalam mendefinisikan peradaban. Menurut beliau, peradaban itu ialah keadaan kehidupan insan bermasyarakat yang telah mencapai taraf kehalusan tatasusila dan kebudayaan yang luhur bagi seluruh masyarakatnya. (Amir A. Rahman, 1990 : 3)

Malek bin Nabi pula meletakkan keseimbangan antara aspek material dan moral bagi memungkinkan segala kemudahan dan peluang kepada ahli-ahlinya mencapai kemajuan. Menurut beliau peradaban ialah sejumlah syarat-syarat akhlak dan kebendaan yang memberi peluang bagi masyarakat tertentu, bahawa bagi setiap individunya dalam setiap peringkat kehidupannya, sejak kecil hingga tua, di mana mereka dibantu. Justeru, sekolah, makmal, hospital, sistem perhubungan, keamanan, penghormatan terhadap keperibadian individu terjamin, merupakan bentuk-bentuk yang membantu individu anggota masyarakat itu. (Mohd Kamil Abdul Majid, 1993 : 40)

Ahmad Syalaby mengkategorikan peradaban kepada dua jenis iaitu peradaban teori dan peradaban eksperimen. Peradaban teori ialah peradaban tulen yang menjadikan Islam sebagai sumbernya yang tunggal. Peradaban ini lahir dalam perkara-perkara yang tidak terdaya dicapai oleh fikiran manusia seperti di dalam sistem-sistem politik, ekonomi dan perundangan serta moral. Manusia tidak berdaya mencipta sistem politik yang sihat, tidak berdaya mengenal keadilan sosial dan isu-isu moral sentiasa menjadi perselisihan yang besar di kalangan manusia. Peradaban eksperimen pula merupakan

peradaban yang boleh dicapai oleh orang-orang Islam dalam bidang-bidang seperti matematik, perubatan astronomi dan sebagainya. Orang Islam telah mewarisi peradaban Mesir, Greek, Rom dan sebagainya. (Ahmad Shalaby, 1970 : 25 – 26)

Bagi Sayyid Qutb, peradaban itu merupakan sejumlah nilai, hubungan dan aturan. Ini tidak sinonim bagi "kemajuan" yang membawa erti sejumlah produk kebendaan dan peralatan yang canggih. Beliau tidak melihat kemajuan seperti ini dijadikan ukuran untuk menentukan sama ada sesebuah masyarakat itu berperadaban atau tidak. Menurutnya lagi, masyarakat berperadaban pertama sekali dinilai dari dasar akidahnya, sistem nilai, tingkah laku, hubungan dan aturan sosialnya, bukan dari kemajuan kebendaan semata-mata. Peradaban yang difahami oleh Sayyid Qutb bukan kemajuan (madaniyah), tetapi 'peradaban tauhid' yang dilahirkan oleh sistem Islam yang menyempurnakan manusia dengan kemanusiaannya, menimbulkan makna sebenar ubudiyah kepada Allah dan keseimbangan yang menyeluruh dalam hidup individu dan masyarakat. (Ali Al-Quraisyiy, 1996 : 106 -107)

Arnold J. Toynbee, salah seorang ahli sejarah yang terulung di dunia, mentakrifkan secara ringkas tetapi padat iaitu peradaban adalah jenis kebudayaan yang didapati dalam bandar-bandar. (Arnold Toynbee, 1957 : 43)

Gordon Childe iaitu seorang sejarawan materialis memberi penekanan kepada pencapaian material sebagai lambang ketamadunan sesebuah

masyarakat. Beliau juga menyatakan bahawa 'civilization' mempunyai maksud yang sama dengan revolusi perbandaran dengan membuat ukuran peradaban berdasarkan kemajuan bandar ataupun 'urban civilization' berdasarkan kajian beliau ke atas Tamadun Sumeria di Sungai Euphrates dan Tigris pada tahun 4000 sebelum masihi yang memperlihatkan kemunculan bandar-bandar seperti Uruk, Lagash, Eridu, Ur dan lain-lain. (R.G. Collingwood, 1947 : 281)

Edward L Farmer pula mentakrifkan peradaban sebagai unit budaya yang besar dan mengandungi norma-norma sosial, tradisi dan institusi yang dikongsi bersama dan diwarisi dari generasi ke generasi. (Edward L. Farmer, 1977 : xxxix)

Edward B. Taylor seorang ahli antropologi telah meletakan peradaban dan budaya pada kedudukan yang sama dengan mendefinisikan bahawa budaya atau peradaban adalah merangkumi keseluruhan pencapaian manusia termasuk pengetahuan, kepercayaan, seni, moral, undang-undang, adat dan keupayaan serta tabiat-tabiat lain yang didapati oleh manusia sebagai anggota masyarakat. (Edward B. Taylor, 1974 : 657)

Dari pelbagai istilah peradaban yang tersebut di atas, walaupun kelihatan berbeza dalam pentafsirannya tetapi nampak jelas kelihatan ianya menunjukkan saling memperkuatkan dan mengukuhkan di antara satu sama lain. Dengan demikian, berdasarkan kepada istilah-istilah dan pendapat para sarjana itu, maka dapatlah diringkaskan bahawa maksud peradaban di sini

ialah "kecemerlangan dan kemajuan" dalam semua aspek kehidupan dunia dan akhirat.

2.4.2 Ciri-Ciri Peradaban

Beberapa ciri yang jelas dapat pengkaji paparkan daripada definisi-definisi yang dibincangkan tadi.

Pertama, peradaban mempunyai unsur undang-undang seperti yang terdapat dalam definisi bahasa Greek, Latin, Inggeris dan Islam. Tidak dinafikan bahawa masyarakat atau negara berperadaban seharusnya memiliki sistem undang-undang yang berkesan agar hak dan kepentingan warganegara dan masyarakatnya terpelihara.

Kedua, ciri yang seharusnya ada pada sesebuah peradaban ialah anggota masyarakatnya mempunyai tingkahlaku yang baik seperti kesopanan, kehalusan budi, berperikemanusiaan dan seumpamanya. Sesebuah masyarakat berperadaban dapat dibezakan dengan masyarakat tidak berperadaban, jika anggota masyarakat mengamalkan ciri-ciri kasar, ganas, tidak bersopan, tidak menepati janji dan sebagainya.

Ketiga, perbandaran atau menjalankan kehidupan kota. Hal ini menunjukkan bahawa peradaban itu bermula di bandar atau kota apabila masyarakat menjalani kehidupan bandar. Di bandar juga wujudnya sistem organisasi dan institusi sosial dalam bidang politik, pentadbiran, ekonomi dan

pendidikan yang sempurna dan teratur. Biasanya masyarakat tidak berperadaban ialah masyarakat yang tinggal terpisah di kawasan-kawasan pedalaman dan tidak mempunyai sistem yang sempurna.

Keempat, berkaitan dengan harta (*khazanah*) dan tempat tinggal. *Umran* juga merujuk kepada harta dan kawasan yang didiami. Masyarakat berperadaban mestilah tinggal menetap di sesuatu tempat dan juga memiliki harta. Harta di sini mungkin merujuk kepada harta fizikal atau harta berbentuk kemahiran atau ilmu pengetahuan.

Kelima, peningkatan kualiti kehidupan yang lebih sempurna berbanding sebelumnya dan seterusnya terhasil juga peningkatan jangka hayat penghidupan yang lebih stabil dan panjang. Ini bermakna masyarakat telah dibekalkan dengan ilmu tentang penjagaan kesihatan dan juga pemakanan yang baik.

Keenam, kemunculan satu bahasa atau beberapa bahasa yang serumpun dengan satu sistem tulisan yang tersendiri bagi perantaraan komunikasi, perakaman, penyampaian dan pewarisan khazanah tamadun dalam pelbagai bidang ilmu.

Ketujuh, lahirnya dan berkembangnya daya kreatif dalam penciptaan teknologi dan pembinaan bagi menyempurnakan lagi keselesaan kehidupan. Daya kreatif juga berkembang dalam penghayatan falsafah, kesenian, kesusasteraan dan nilai estetika yang tersendiri.

Daripada ciri-ciri di atas, jelas menunjukkan bahawa peradaban mencakupi pencapaian sesebuah masyarakat dalam aspek-aspek material (perbandaran, undang-undang dan harta) serta memiliki unsur-unsur moral (tingkahlaku yang baik dan dianjur iaitu unsur penyerahan atau kepatuhan kepada Tuhan).

Secara keseluruhannya, faktor-faktor yang dilihat mendorong kepada kemunculan sesebuah peradaban adalah seperti berikut :

1. Kelahiran sesebuah peradaban kebanyakannya disebabkan oleh kedudukannya yang strategik yang boleh mewujudkan penempatan masyarakat dan juga mudah untuk memperolehi sumber-sumber semulajadi bagi menampung kehidupan masyarakatnya. Contoh: kemunculan Tamadun China di Lembah Huang-He dan Yong Tse, Tamadun India di Lembah Ganges, Tamadun Mesia di Lembah Nil dan Melaka di Selat Melaka.
2. Ransangan daripada keagamaan dan kerohanian kerana amalan daripada ajaran-ajaran agama mendorong manusia supaya menghayati nilai-nilai kehidupan yang tulus dan murni. Ini secara tidak langsung telah menjadikan manusia menuju kepada kehidupan yang bertamadun. Kemunculan Tamadun Islam umpamanya telah dipengaruhi oleh ransangan nilai-nilai murni berdasarkan cara hidup Islam yang sempurna.

3. Penghayatan yang tinggi kepada moral dan nilai murni memandangkan masyarakat yang menghayati nilai-nilai murni sudah pasti mendorong kepada sifat kecintaan kepada ilmu dan nilai-nilai positif yang lain seperti kreativiti, ketekunan, kerajinan, berdisiplin dan sebagainya. Pemimpinnya juga mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan seperti tidak rasuah, berhemat, bertanggung jawab dan jujur yang seterusnya mendorong rakyatnya berganding bahu untuk membangunkan negara. Umpamanya; Plato dan Aristotle dalam Tamadun Yunani, Kung Fu-Tze dalam Tamadun China, Kautilya dalam Tamadun India serta al-Farabi, al-Mawardi, al-Ghazali dan Ibn Khaldun dalam Tamadun Islam.
4. Kesengsaraan hidup. Situasi kehidupan yang dibelenggu keperitan dan kesengsaraan menggalakkan masyarakatnya bekerjasama menggembling tenaga untuk melepaskan diri mereka daripada belenggu tersebut. Ini akhirnya menjadikan sesebuah masyarakat itu lebih berdisiplin dan kreatif dalam membangunkan kehidupan mereka. Umpamanya kebangkitan Jepun seringkali dikaitkan dengan penderitaan masyarakatnya selepas kekalahan mereka dalam Perang Dunia Kedua.
5. Interaksi antara tamadun. Sikap ingin mewujudkan saling berinteraksi dengan tamadun-tamadun lain merupakan ransangan kepada kehidupan bertamadun. Ini kerana sikap toleransi kepada

sumbangsan tamadun-tamadun yang lain menggambarkan sikap terbuka untuk menerima nilai-nilai yang baik daripada tamadun-tamadun tersebut dan seterusnya membantu kepada kemunculan tamadun baru. Tamadun Islam umpamanya menerima sumber-sumber ilmu daripada Tamadun China, India, Parsi dan sebagainya.

(Buku Teks Kursus TITAS IPT, 2001 : 7 - 8)


2.5. Kesimpulan

Pendidikan dan peradaban memainkan peranan yang sama penting dalam pembangunan masyarakat. Peradaban tanpa pendidikan tidak mungkin akan berhasil satu peradaban yang tinggi dan begitu juga sebaliknya. Peradaban adalah sesuatu pencapaian yang berhasil dari proses pendidikan dalam masyarakat yang bertunjangkan kepada agama yang dianuti, kebudayaan yang diamalkan dan penghasilan penyelidikan ilmu pengetahuan dalam pelbagai bidang.

Kesimpulannya pendidikan yang melahirkan para cendiakawan dan sarjana yang mempraktikkan ilmu pengetahuannya akan melahirkan peradaban yang tinggi dan kukuh.

PETA 2

46



DUNIA MELAYU – POLINESIA
(Hashim Haji Musa, 2001 : xi)